

10/04/2003

Nazri pertahan sokong Najib jadi TPM

Misiah Taib

PETALING JAYA: Ketua Umno Bahagian Chenderoh, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, mempertahankan pendiriannya memberi sokongan padu kepada Datuk

Seri Najib Razak untuk menjawat jawatan Timbalan Presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri apabila tiba tempoh peralihan kuasa selepas Oktober nanti.

Beliau juga menjelaskan, sokongan terbukanya kepada Najib itu bukan resolusi Umno Bahagian Chenderoh, tetapi pandangannya sendiri yang dinyatakan dalam ucapan alu-aluan ketika Naib Presiden Umno itu merasmikan mesyuarat bahagian berkenaan, Ahad lalu.

Sambil bertegas menyatakan itu adalah hak dan pandangan peribadinya sebagai ahli Umno, Nazri menganggap kenyataannya itu selari dengan apa yang pernah disebut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam tiga majlis sebelum ini.

"Itu hak saya. Saya tidak akan berganjak dan tetap dengan pandangan saya bahawa saya memberi sokongan kepada Najib untuk jawatan Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri.

"Saya juga menyokong penuh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden Umno dan Perdana Menteri, sebaik tiba tempoh peralihan selepas Oktober ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan sistem kupon teksi di Sunway Pyramid, kelmarin.

Beliau mengulas nasihat Abdullah supaya semua bahagian Umno tidak mengemukakan sebarang usul berhubung siapa bakal menjadi Timbalan Perdana Menteri apabila Dr Mahathir berundur selepas Oktober ini.

Sebaliknya Pemangku Perdana Menteri berkata, biarlah beliau yang mengumumkan sendiri siapa bakal mengisi jawatan nombor dua dalam kerajaan apabila tiba masanya.

Nazri yang juga Menteri Pembangunan Usahawan berkata, memanglah menjadi hak mutlak Perdana Menteri untuk mengumumkan siapa timbalannya, tetapi pada masa yang sama tidak salah bagi ahli menyuarakan pandangan mengenai siapa yang mereka sokong.

"Apa lagi Umno adalah sebuah parti yang mengamalkan demokrasi dan kebebasan bersuara. Saya rasa saya tidak melakukan apa-apa kesalahan kerana apa yang saya lakukan ialah menyahut kenyataan Perdana Menteri sendiri dalam tiga acara di mana beliau ada sebut nama Datuk Seri Najib (sebagai Timbalan Presiden Umno). Saya tidak rasa beliau tersilap cakap.

"Ini semua kita tahu. Tapi kenapa Perdana Menteri mengatakan ini. Ia bukan hak beliau juga kerana sebaik Pak Lah (Abdullah) menjadi Perdana Menteri, ia terserah kepada Pak Lah.

"Jika Perdana Menteri boleh menyuarakan pandangan beliau, mengapa pula salah bagi saya untuk menyuarakan pandangan saya. Kenyataan saya selari

dengan apa yang Perdana Menteri sebut dalam tiga acara sebelum ini," katanya.

Nazri berharap tidak akan berlaku tindakan 'menutup mulut ahli' dalam Umno kerana ia hanya akan menjejaskan hak ahli sebuah parti yang mengamalkan sistem demokrasi serta kebebasan bersuara.

Mengenai kebimbangan Abdullah kemungkinan akan berlaku kempen di kalangan mereka yang tahu nama mereka dicalonkan, Nazri mendakwa kempen sebenarnya sudah pun berlaku secara senyap.

"Kita semua tahu dan saya yakin Pak Lah pun tahu sebagai Pemangku Perdana Menteri bahawa sudah berlaku pun kempen sekarang ini, di mana orang dari bahagian telah dipanggil untuk melawat individu tertentu dan ditanya pandangan mereka jika seseorang itu dipilih menjadi Timbalan Perdana Menteri.

"Ini berlaku dan memang berlaku. Janganlah dianggap apa yang dilakukan secara senyap dan sulit itu boleh dan sokongan yang saya buat secara terbuka sebagai salah. Ini sudah tidak betul.

"Kalau takut kempen yang tak sihat, apa yang berlaku hari ini pun tak sihat sebab saya tahu ada orang panggil ahli jawatankuasa bahagian ke pejabat dan bertanya pandangan mereka mengenai perkara ini.

"Kempen juga tu. Benda yang dibuat secara sulit dianggap boleh, secara terbuka pula dianggap tak boleh. Saya rasa ini 'double standard' dan saya tidak setuju. Saya mahu mempertahankan hak saya untuk memberi pandangan," katanya.